

19/02/2004

Ancaman krisis moral harus ditangani segera

DALAM usaha mewujudkan sebuah negara yang maju dan gemilang, kerajaan terpaksa menghadapi pelbagai cabaran, termasuk mengubah mentaliti masyarakatnya. Tokoh akademik, Prof Datuk Dr Syed Hussein Alatas yang kecewa dengan sikap sesetengah masyarakat Malaysia yang mendakwa cintakan negara tetapi bertindak sebaliknya, memberikan pandangan beliau dari sudut sosial dan politik. Ikuti sedutan temu bual Buletin Malaysia dengan beliau baru-baru ini.

SOALAN: Sebagai seorang ahli akademik yang disegani, antara subjek sosial, budaya, ekonomi, agama, politik dan sebagainya, yang mana paling menarik minat Prof?

SYED HUSSEIN: Saya tertarik kepada semua yang disebutkan tadi, tetapi saya tidak begitu banyak mengikuti pengajian dalam bidang ekonomi. Kemahiran saya lebih dalam soal kemasyarakatan, sejarah dan politik. Walaupun ada sikit-sikit yang saya perhatikan seperti masalah penswastaan, bagaimana hendak meningkatkan kelebihan kerja, had mencari untung dan penipuan. Tetapi perhatian saya banyak diberikan kepada masalah sosiologi rasuah dan sejarah. Masalah budaya dan agama juga turut menjadi perhatian saya, selain mengenai sifat masyarakat Barat serta pengaruhnya terhadap kita dewasa ini.

SOALAN: Bagaimana Prof melihat pembangunan yang berlaku di negara kita hari ini dan penerimaan golongan muda, khususnya remaja yang seperti hilang punca dalam membawa pembangunan yang kita cuba laksanakan di negara ini?

SYED HUSSEIN: Masalah pembangunan terutamanya soal ini mengingatkan saya pada masa saya mahasiswa dulu iaitu pada awal 1950-an. Masa itu saya melihat mulanya proses keruntuhan di kalangan negara yang baru merdeka. Masalah seperti rasuah, kebuluran, dadah dan kemiskinan yang luar biasa, tersebar di mana-mana selepas merdeka. Saya timbulkan persoalan siapa yang bertanggungjawab? Jawab saya, yang bertanggungjawab ialah generasi sebelum saya yang menerima kekuasaan pada zaman merdeka.

Saya juga berasa kita sebagai pemuda pada masa itu tidak mendapat contoh daripada generasi lebih tua yang berkuasa. Kalau contoh itu tidak diberikan, dengan sendirinya generasi kemudian akan dipengaruhi. Umpamanya kalau sekarang saya berjumpa dengan pemuda yang amalkan rasuah dan tidak mengambil berat masalah rasuah, jawab saya siapa yang beri contoh? Generasi sebelum dia! Kalau umpamanya banyak pemuda kita minum-minum dan mabuk, siapa yang beri contoh? Generasi sebelum dia! Dalam soal etika bekerja, siapa yang memberi contoh? Itu generasi sebelumnya.

SAOALAN: Tapi bukankah kita sekarang ini dipengaruhi oleh banyak faktor seperti media dan sumber maklumat lain?

SYED HUSSEIN: Ya betul, banyak faktor yang mempengaruhi kita seperti iklan yang ganas, tarian dan muzik yang ganas. Banyak terjadi pengaruh yang tidak sihat ini masuk ke negara kita. Tapi siapa yang jaga pintu yang membiarkan pengaruh ini masuk ke negara kita? Bukan pemuda yang terpengaruh tadi. Kita mesti memikirkan punca persoalan berkenaan iaitu generasi yang sebelum kita. Walaupun saya asingkan masalah umpamanya kemerdekaan, kebangsaan, memang ada segelintir generasi sebelum kita yang berkecimpung dalam perkara ini. Macam pemimpin politik masa dulu, mereka punya keazaman untuk membangunkan negara seperti Datuk Onn Jaafar dan sebagainya. Memang pengaruh sumbangan generasi sebelumnya itu betul. Kalau kita lihat saja di Indonesia, generasi yang mempelopori perjuangan

kemerdekaan, itu betul. Tapi setelah merdeka, mereka tidak berkuasa. Timbul golongan lain. Golongan ini yang mempengaruhi generasi akan datang.

SOALAN: Bunyinya seperti kemerdekaan ini mengundang kepada persoalan lain?

SYED HUSSEIN: Ya betul. Beginilah, kalau kita kaji sejarah, sejarah Umno awalnya. Perjuangan parti itu kepada pembangunan dan kemajuan bangsa Melayu. Tetapi sesudah satu generasi ke generasi, sudah masuk gejala rasuah seperti politik wang yang sekarang diakui oleh pemimpin Umno sebagai satu gejala amat besar yang perlu dibasmi. Gejala ini telah ada waktu Umno ditubuhkan, waktu ia menentang Malayan Union, waktu parti itu memperjuangkan kemerdekaan. Tetapi sesudah kemerdekaan, golongan yang berkuasa pada masa itu mula sedikit-sedikit dimasuki oleh unsur ini.

SOALAN: Adakah Prof bermaksud kita tidak perlukan kemerdekaan?

SYED HUSSEIN: Tentu kita perlu kemerdekaan, tapi bukan sekadar merdeka saja. Kita perlu jaga kemerdekaan itu. Saya tidak katakan kita tidak perlu tanam pokok, tidak perlu tanam buah. Perlu, untuk makan kita perlu tanam tanaman itu. Tapi jangan hanya kita asyik menanam, tidak memikirkan serangga yang menyerang tanaman kita. Jika kita sudah diserang serangga, kita mesti fikirkan masalah ini. Jadi bukan kemerdekaan yang salah. Umpamanya, mengapa dalam dunia sekarang ini selepas perang, semua negara maju bertambah maju tetapi semua negara yang membangun dengan pengecualian yang jarang nyata merosot.

SOALAN: Maksud Prof?

SYED HUSSEIN: Kemiskinan, jenayah, rasuah dan perang saudara bertambah. Kita boleh bandingkan keadaan kita sekarang dengan keadaan pada 1950-an. Masa ini jika kita buka surat khabar setiap hari dekat satu halaman penuh berita mengenai pembunuhan, jenayah, rogol dan macam-macam. Sekarang kita buka surat khabar hari-hari...

SOALAN: Bukankah itu yang perlu kita bayar hasil daripada semangat kita untuk mentadbir sendiri negara kita?

SYED HUSSEIN: Kalau kita hendak kaitkan dengan semangat mentadbir sendiri negara kita, maknanya semangat yang salah. Bukan semangat yang sebenarnya. Kenapa kedua-dua Perdana Menteri kita yang terakhir iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa kali membangkitkan soal rasuah, pentadbiran lembap, sampah yang bertimbun-timbun dan air kotor. Semua persoalan ini timbul selepas merdeka. Tapi ada yang nanti mencari alasan. Kata mereka, wah sekarang ini kita sudah bertambah pesat, perbandaran dan macam-macam. Itu alasan kosong. Segala-gala kita boleh rancang, boleh buat dengan baik.

SOALAN: Mungkinkah perkara ini berlaku kerana pemimpin kita mempunyai satu hasrat yang begitu tinggi tetapi mentaliti orang kita masih lagi pada tahap dunia ketiga?

SYED HUSSEIN: Betul. Jangan kita samakan pendapat satu atau dua pemimpin saja dengan pengaruh keseluruhan daripada pihak yang berkuasa. Yang saya maksudkan pihak yang berkuasa bukan saja ahli politik, tetapi mereka yang berkuasa di mana-mana. Umpamanya, tengok kecuaiian dalam menghadapi masalah keamanan, sama ada keamanan di rumah, di jalan raya atau di mana-mana. Sampai terjadi kejadian rogol. Sekarang mula dibangkitkan masalah keamanan, menjaga keamanan macam mana? Begitu juga masalah tanah runtuh, itu bukan masalah baru sebaliknya sudah berpuluh-puluh tahun ia dibangkitkan.

Masalah yang terakhir sekali iaitu kemalangan di jalan raya. Hari-hari ada saja yang berlanggar dan ketika musim perayaan, bertambah orang yang mati. Sehingga Malaysia ini boleh dikatakan sudah menjadi negeri orang mati di jalan. Begitu juga penipuan. Saya kadang-kadang berasa negara saya sendiri sudah menjadi negara penipu. Sebab ke mana saja saya pergi, saya kena tipu. Beli barang kena tipu, pergi klinik kena tipu, mana-mana yang

kita buat banyak yang menipu. Nak betulkan kereta kita rasa takut, takut kena tipu, nak panggil tukang paip pun kita rasa takut. Panggil orang untuk betulkan antenna TV pun kena tipu. Mana-mana saja ada orang yang tipu. Jadi masyarakat kita sudah menjadi masyarakat penipu.

SOALAN: Bunyinya macam Prof begitu kecewa dengan suasana masyarakat kita hari ini?

SYED HUSSEIN: Memang, kekecewaan saya sudah dinyatakan 10 tahun dulu. Boleh periksa rekod saya di satu dua akhbar. Sepuluh tahun dulu saya sudah cuba membangkitkan masalah krisis moral dalam negara kita. Saya cuba usahakan supaya diadakan satu persidangan membincangkan masalah krisis moral. Tapi tidak ada perhatian pada masa itu. Tetapi sekarang ini kita semua rasa dengan banyaknya kes rogol, bunuh dan sebagainya. Bila-bila masa sekarang ini sesiapa saja di jalan boleh ditembak. Kalau seseorang pembunuh dia hendak tembak seseorang di jalan, dalam kereta dia tembak, dia jalan. Kalau macam kita disuruh berasa senang, kesenangan itu baik tetapi bukan kesenangan yang bebal. Apa yang dimaksudkan dengan kesenangan bebal itu ialah walaupun senang tapi banyak penyakit. Cuba kita tanya satu-satu rakyat, adakah kamu senang, hidup dalam satu masyarakat yang penuh dengan persoalan seperti rogol, pembunuhan, air kotor dan kadang-kadang air tidak ada, sampah bertimbun-timbun di mana-mana, mana-mana pergi kena tipu.

SOALAN: Tapi Prof, jika kita bandingkan dengan negara sekitar kita dalam konteks negara membangun dan sedang membangun, Malaysia adalah antara yang terbaik.

SYED HUSSEIN: Betul, jika bandingkan dengan negara lain, kita yang terbaik. Tetapi saya juga berpendapat itu satu perbandingan yang bebal. Kalau kita hendak membandingkan sesuatu, kita membandingkan dengan yang lebih baik. Kita mengukur kekurangan kita dengan yang lebih baik. Kita macam seorang murid sekolah, dia hanya lulus. Dia kata, tengok yang gagal. Bukan dia tengok yang pandai tetapi dia tengok yang gagal.

Dia bandingkan diri dia dengan yang gagal. Itu satu perbandingan yang bebal. Ini satu sikap yang berbahaya. Kalau kita cari perbandingan kepada yang lebih kurang, itu satu sikap yang berbahaya.

SOALAN: Bagaimana pula Prof melihat perkembangan politik di Malaysia hari ini?

SYED HUSSEIN: Perkembangan yang terjadi ini boleh kita harapkan. Maksud saya bukan siapa yang naik, siapa yang turun. Itu masalah guling-mengguling. Masalah itu tidak penting. Apa yang perlu ialah jangan ada gangguan ketenteraman politik. Tetapi, masalah yang penting sekali sebenarnya ialah perwatakan politik. Jadi sesiapa saja dalam bidang politik, dari parti manapun, termasuk kerajaan, kita mahukan supaya mereka itu mempunyai watak politik yang benar. Bukan menggunakan politik untuk kepentingan diri. Kalau ada perselisihan faham antara parti, hal itu tak akan mengganggu orang awam. Tapi kalau tidak ada perwatakan politik, walaupun tidak ada pertempuran di antara parti, ia akan mengganggu ketenteraman awam. Sejak kebelakangan ini pelbagai usaha dilakukan untuk menghapuskan rasuah, mengadakan pentadbiran yang cekap dan menyiasat kekurangan yang kita alami. Usaha untuk lebih berwaspada dalam melaksanakan pembangunan. Ini semua adalah tanda-tanda adanya aliran untuk mengimbangi keadaan.

SOALAN: Mengenai kekuatan parti politik Melayu, kita kini ada tiga parti mewakili bangsa Melayu iaitu Umno, Pas dan Parti Keadilan Nasional. Apa pandangan Prof?

SYED HUSSEIN: Saya harap parti-parti ini akan dapat bekerjasama dalam menghadapi masalah nasional, kebangsaan dan berganding dalam masalah dasar. Kalau mereka dapat mengadakan kerjasama sedemikian, memang baik sekali. Tapi kalau mereka tidak dapat bekerjasama sebaliknya terus

bermusuhan, termasuk dalam soal yang tidak penting, soal remeh, ia akan menjadikan keadaan bertambah rumit.

SOALAN: Apa yang Prof maksudkan dengan soal remeh itu?

SYED HUSSEIN: Macam soal pertengkaran, soal perempuan cantik tidak payah kerja, sekatan terhadap pakaian tertentu, mengukur kemajuan manusia atau kesihatan jiwa manusia dengan tutup rambut atau tidak dan soal-soal yang sedemikian. Soal tuduh menuduh siapa yang membalak haram atau tidak.

Memang soal membalak haram itu bukan soal remeh, tapi yang penting soal membalak keseluruhannya, perlu ke tidak kita fikirkan pembalakan negara ini mesti diteruskan? Itu masalah besar. Masalah ini kalau diperhatikan bukan berlaku di sesuatu tempat tertentu saja, ada yang mencuri balak di sini, ada yang mencuri balak di sana. Saya tidak menganggap ini soal remeh, tapi ini menjadi remeh kalau tidak dikaitkan dengan masalah lebih besar.

SOALAN: Apa pandangan Prof mengenai cadangan muzakarah antara Umno dan Pas?

SYED HUSSEIN: Ini satu lagi contoh yang saya anggap soal remeh. Cadangan muzakarah antara Umno dan Pas. Cadangan itu dihadkan kepada pemimpin. Hanya pemimpin yang bermuzakarah. Kenapa hanya pemimpin?

SOALAN: Pemimpin mewakili masyarakatnya.

SYED HUSSEIN: Tidak, pemimpin mewakili masyarakat dalam sesuatu hal tetapi pemimpin tidak mewakili pemikiran masyarakat. Pemimpin tidak mewakili pengetahuan mengenai pelbagai hal. Contohnya jika kita ingin menghadapi masalah dadah, ramai orang yang terbabit. Parti tidak dikuasai atau dipunyai oleh seorang pemimpin. Parti itu bukan rumah kepunyaan pemimpin. Kenapa muzakarah hanya terhad kepada dua orang?

SOALAN: Seperti yang saya katakan tadi, masyarakat sekarang mewakili seseorang untuk mewakili mereka.

SYED HUSSEIN: Itu lain. Itu bukan muzakarah. Kalau ada persoalan antara kedua-dua parti yang perlu diselesaikan, itu boleh. Pemimpin dengan pemimpin, tapi muzakarah untuk mengadakan perpaduan, itu bukan kepunyaan satu orang. Kita ingat masa dulu ketika kita menyiapkan kemerdekaan, bukan masalah Tunku Abdul Rahman dengan Perdana Menteri Inggeris ketika itu saja, tetapi masalah semua parti. Jika kita timbulkan cadangan macam itu, pertemuan empat mata saja, itu bermakna tidak cukup pengetahuan berpolitik.

SOALAN: Apa pesanan Prof untuk generasi baru dalam menghadapi cabaran yang hebat sedang menunggu mereka pada masa depan?

SYED HUSSEIN: Satu saja, kita perlu mencintai Malaysia. Seterusnya, kita perlu memikirkan cara bagaimana untuk merealisasikan. Itu saja. Sebab kalau kita tidak ingin memikirkan cara bagaimana, itu bukan kita. Umpamanya, kita jatuh cinta kepada seseorang tetapi kita tidak memikirkan cara bagaimana untuk mendapatkannya, kita tidak fikirkan sifat yang perlu kita miliki. Kita tidak fikir untuk menyumbang tindakan yang baik terhadap apa yang kita cintai itu. Maknanya kita tidak mampu menunjukkan perasaan yang sejati. Ucapan adalah laungan palsu. Kalau kita laung-laungkan, nyanyikan 'Malaysia Maju', 'Malaysia Cemerlang', itu semua laungan palsu. Kalau kita tidak betul-betul katakan: "Saya perlu fikirkan bagaimana perlu melaksanakan cinta itu dan apa maksud cinta itu?"

Apakah cinta Malaysia itu seperti seseorang melihat Malaysia kotor? Membaca berita orang mati kemalangan di jalan raya setiap hari, mendengar berita orang dirogol, dibunuh dan penipuan di sekitar kita... Cinta Malaysia... betul kau cintai Malaysia, apakah yang kita cintakan? Pesanan saya, kita perlu katakan pada diri kita: "Saya cinta Malaysia".